



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

KENYATAAN MEDIA BAGI STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI JUN 2025

JUMLAH PERDAGANGAN BAGI EMPAT NEGERI MEREKODKAN PENINGKATAN BERNILAI RM93.5 BILION PADA BULAN JUN 2025

PUTRAJAYA, 28 JULAI 2025 – Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM234.9 bilion pada Jun 2025 dengan eksport dan import masing-masing bernilai RM121.7 bilion dan RM113.1 bilion, seperti yang dilaporkan hari ini dalam **STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI JUN 2025**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata prestasi eksport bernilai RM121.7 bilion pada Jun 2025, menurun sebanyak RM4.4 bilion (-3.5%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Penurunan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Johor (-RM3.3 bilion), Sarawak (-RM1.8 bilion), Kedah (-RM1.6 bilion), Selangor (-RM1.2 bilion), Terengganu (-RM743.0 juta), W.P. Kuala Lumpur (-RM491.4 juta), Pahang (-RM312.9 juta), W.P. Labuan (-RM277.3 juta), Perak (-RM209.0 juta) dan Negeri Sembilan (-RM54.7 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport meningkat di Pulau Pinang sebanyak RM4.9 bilion, Sabah (+RM414.3 juta), Melaka (+RM372.0 juta), Kelantan (+RM69.5 juta) dan Perlis (+RM2.9 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 39.5 peratus, diikuti oleh Johor (18.6%), Selangor (16.9%), Sarawak (5.3%) dan W.P. Kuala Lumpur (4.0%).

Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan import pada bulan Jun 2025 meningkat RM1.4 bilion (+1.2%) berbanding bulan yang sama pada tahun 2024. Peningkatan import disebabkan oleh import yang lebih tinggi di Pulau Pinang (+RM3.4 bilion), Johor (+RM1.5 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM890.4 juta), Sabah (+RM254.5 juta), Perak (+RM108.0 juta), W.P. Labuan (+RM27.8 juta) dan Kelantan (+RM11.8 juta). Walau bagaimanapun, nilai import menurun di Negeri Sembilan sebanyak RM1.3 bilion, Kedah (-RM980.0 juta), Melaka (-RM954.9 juta), Selangor (-RM903.4 juta), Pahang (-RM753.3 juta), Terengganu (-RM246.7 juta), Perlis (-RM87.2 juta) dan Sarawak (-RM16.9 juta).

Selangor mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 24.4 peratus, diikuti oleh Johor (24.3%), Pulau Pinang (23.7%), W.P. Kuala Lumpur (8.3%) dan Kedah (5.4%).


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

**Carta 1: Eksport dan Import bagi negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor,
Jun 2024 – Jun 2025 (RM Bilion)**



Paparan 1: Infografik Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, Jun 2025



STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI, JUN 2025



▲ ▼ Semua perubahan berdasarkan perbandingan tahun-ke-tahun

Petunjuk: ■ Eksport ■ Import

5 NEGERI PENGEKSPORT UTAMA



Lima negeri menguasai eksport negara dengan menyumbang **84.2** peratus

Nota:

- Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau pengiklanan yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
- Nilai eksport atau import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.

Sumber: Statistik Eksport Import Mengikut Negeri Jun 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 JULAI 2025**